

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 2 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/02/918134/kerajaan-masih-berupaya-teruskan-subsidi-minyak>

### **Kerajaan masih berupaya teruskan subsidi minyak**



Subsidi bahan api berupaya mengekang kenaikan inflasi - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Harga minyak mentah dunia yang melonjak sehingga mencecah paras tertinggi dalam tempoh tujuh tahun ketika ini memberi ruang kepada kerajaan untuk terus menyediakan subsidi bahan api bagi mengekang inflasi, kata penganalisis.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanim Abdul Rashid, berkata buat masa ini, dengan mengambil kira ketidaktentuan yang dicetuskan pandemik, dasar fiskal perlu kekal mengembang, namun ia bukan bermakna kerajaan boleh berbelanja secara sembarangan.

Justeru, tegasnya kerajaan perlu meletakkan keutamaan untuk berbelanja pada tempat yang betul, termasuk hal berkaitan bayaran pindahan, subsidi, perbelanjaan terhadap infrastruktur dan kesihatan perlu kekal mendapat perhatian utama.

"Kenaikan harga minyak mentah dunia sememangnya memberi ruang fiskal kepada kerajaan. Oleh itu, kerajaan perlu terus berbelanja dengan berhemah dan pada masa yang sama mengelakkan ketirisan dan pembaziran.

"Ia perlu bersifat praktikal dan menghasilkan produktiviti yang tinggi," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai impak harga minyak tinggi terhadap kemampuan kerajaan menyediakan subsidi bahan api.

Mengenai prestasi ringgit yang lemah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) meskipun harga minyak tinggi, Mohd Afzanizam berkata, situasi itu disebabkan faktor luaran iaitu bank pusat negara itu, Rizab Persekutuan (Fed) dijangka menaikkan kadar faedah pada Mac ini.

Harga runcit petrol RON95 dan diesel di Malaysia ketika ini masing-masing RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter, manakala harga runcit petrol RON97 berada pada RM3.12 seliter.

Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM3.78 bilion bagi 2021 untuk subsidi petrol RON95, diesel, gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak.

Namun, berikutan harga pasaran global semasa, kerajaan dijangka menampung subsidi sehingga RM8 bilion, iaitu RM4.22 bilion lebih tinggi daripada diperuntukkan.

RHB Research dalam nota penyelidikannya menaikkan unjuran harga minyak mentah Brent kepada AS\$83 bagi 2022 dan AS\$70 untuk 2023 berbanding unjuran sebelum ini AS\$69 bagi 2022 dan AS\$65 setong bagi 2023.

Ia berkata, peningkatan unjurannya itu bagi mencerminkan permintaan lebih kukuh berbanding jangkaan walaupun berhadapan persekitaran yang terjejas oleh penularan varian Omicron, tekanan bekalan lebih rendah berbanding dijangka serta premium risiko di tengah ketidaktentuan geopolitik.

Katanya, berdasarkan data sedia ada, permintaan minyak mentah sepatutnya meningkat 4.2 juta tong sehari pada 2022.

"Kami jangkakan harga minyak meningkat kepada paras purata AS\$90 setong suku kedua 2022 akibat ketegangan geopolitik yang semakin meruncing dalam tempoh terdekat.

"Kami berpendapat hal ini tidak akan menyebabkan berlaku gangguan bekalan yang besar dalam tempoh terdekat.

"Oleh itu, kami kekalkan unjuran harga lebih rendah pada AS\$75 hingga 80 setong pada separuh kedua 2022 berikutan tekanan bekalan lebih tinggi daripada Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum dan sekutu (OPEC+) mengikut jadual pengeluaran mereka dan pemulihan pengeluaran AS berpotensi lebih kukuh memandangkan bilangan pelantar minyak negara itu masih meningkat," katanya.